



PELANGGAN  
memilih sotong  
yang dijual di kedai  
Sauffian Sauji di  
Durian Burung, Kuala  
Terengganu.  
- UTUSAN/  
KAMALIZA  
KAMARUDDIN

## Sotong dijual murah di musim mencandat

04 · 05/06/23 M/S 34

**KUALA TERENGGANU:** Musim mencandat sotong di perairan Terengganu sejak bulan lalu mendorong seorang peniaga menjual sotong pada harga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Sauffian Sauji, 36, berkata, dia menjual sotong segar sebanyak 309 hingga 400 kilogram (kg) setiap hari di kedainya yang terletak di Durian Burung dekat sini.

Katanya, jumlah sotong yang dijual akan meningkat kepada 600 hingga 700kg pada hujung minggu dan cuti umum.

"Harga sotong yang dijual sentiasa berubah-ubah mengikut harga modal yang dikeluar-

kan namun memberi jaminan ia antara yang termurah di pusat bandar ini.

"Kita jual pelbagai jenis gred. Paling murah sotong halus hanya RM5 sekilogram dan sotong bulat pula RM7 sekilogram. Ini memang sentiasa jadi rebutan pelanggan kerana harganya terlalu murah."

"Ada juga sotong gred A iaitu saiz paling besar dijual dalam RM32 atau RM33 sekilogram," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Selain kedai di Durian Burung, Sauffian turut memiliki satu lagi kedai di Kampung Tualang dekat Manir yang turut menjual pelba-

gai barang keperluan dengan harga yang murah.

Selain sotong, pelbagai hasil laut turut dijual di kedainya seperti ikan kerisi dijual pada harga RM15 sekilogram, siakap (RM19), cencaru (RM12), selayang A (RM14), selayang S (RM12), lolong (RM14), selar gred A (RM16), selar gred B (RM14) dan ikan kunyit remong (RM6).

"Walaupun tak mengaut untung lumayan, kami berpuas hati dapat melihat senyuman gembira daripada pelanggan kerana berpeluang menikmati hasil laut yang segar pada harga yang berpatutan," katanya.